

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 16 RABU 19 APRIL, 1967.

1387 رابو 9 محرم

PERCHUMA

56 Orang di-kurniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negara

Gambar ini di-ambil pada masa lawatan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ka-Perkemahan Askar Melayu Di-Raja Brunei pada pagi hari Rabu 12 April, 1967. Dalam gambar ini ke-

lihatan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan menyaksikan Askar Bahagian Semboyan sedang bertugas dalam masa di-adakan Pertunjukan Penchehah Rusohan.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei kepada 56 orang dalam satu Istiadat Pengurniaan Bintang2 dan Pingat2 di-Istana Darul Hana pada kelemarin pagi.

Yang medahului nama2 orang yang di-kurniakan Bintang2 dan Pingat2 tersebut ialah Leftenan Muda Musa bin Ya'akub dari Askar Melayu Di-Raja Brunei di-kurniakan Bintang Perwira Agong Negara Brunei — Darjah Pertama.

Leftenan Muda Hussin bin Ahmad, juga dari Askar Melayu Di-Raja Brunei telah di-kurniakan Bintang Perwira Agong Negara Brunei — Darjah Kedua.

Lima orang Pegawai2 dan Perajurit lain dari Askar Melayu Di-Raja Brunei telah di-kurniakan Bintang Pekerma Jaya Brunei dan Bintang Pekerma Setia Brunei.

Bintang Pekerma Jaya Brunei Darjah Ke-empat telah di-kurniakan kepada K. S. M. Bakar b. Tamak, Kopral Harun bin Jais dan Lance Kopral Adam bin Ajais. Perajurit Ahmad bin Abdullah dan Perajurit Ladi bin Ali masing2 telah

(Lihat muka 8)



D. Y. M. M. Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Mangkat

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim dan Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada petang hari Ahad 16 April, 1967 dalam perjalanan ka-Seremban untuk

mewakili D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan dan Kerajaan di-Istiadat Mengkebumikan Jenazah Al-Marhom D.Y.M.M. Baginda Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Munawir ibni Al-Marhom Tuanku Abdul Rahman.

Duli Yang Maha Mulia Tuanku Munawir telah

mangkat di-Istana Hinggap Seremban pada jam 11-15 malam 14 April, 1967 ketika berusia 45 tahun setelah gering sa-lama dua hari.

Baginda telah di-lantek menjadi Yang di-Pertuan Besar N. Sembilan pada 5 April, 1960 menggantikan ayahanda Baginda, Al-Marhom Tuanku Abdul Rahman, Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang pertama.

PENGETUA P.H.E. UGAMA MERASMIKAN PEMBUKAAN SURAU POLIS

KUALA BELAIT.— Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin telah Merasmikan Pembukaan Surau Polis Di-Raja Penchegah Rusohan pada pagi 7 April, 1967 bertempat di-Batu empat, Kuala Belait.

Y.A.M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin, dalam ucapan beliau di-majlis itu menegaskan bahawa Jabatan Polis Di-Raja Brunei mempunyai pandangan yang jauh ka-hadapan, atas langkah membangunkan sa-buah Surau—demi untuk meninggikan lagi Shi'ar Ugama Islam.

Langkah serupa ini ada-lah baik, patut di-puji dan menja-di ikutan. Ini ada-lah sesuai dengan dasar Ugama Islam, ia-itu satu2-nya ugama yang dapat memimpin manusia ka-jalan yang sempurna — berjaya di-dunia dan berbahagia di-akhirat, kata beliau.

Sa-lanjut-nya beliau menerangkan, bahawa peranan dan tanggung jawab Polis Di-Raja Brunei ada-lah penting dan besar, dalam menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Dan memandangkan kepada perkembangan Ugama Islam di-daerah Belait ini pula, beliau dapat ada-lah baik, tidak begitu banyak perbicharaan2 di-Mahkamah Kadhi. Ini ada-lah satu bakti yang pengajaran

Ugama Islam di-daerah ini meningkat maju.

Di-akhir ucapan itu, beliau memberi tahu bahawa satu peruntukkan telah pun di-luluskan, ia-itu mendirikan sa-buah Mesjid bagi kawasan Labi, dan pembenaan Mesjid itu akan di-serentak dengan Rancangan Pembangunan di-kawasan Labi, untuk di-jadikan satu kawasan Rancangan Perkembangan Pembangunan Baru.

Penolong Pesuruhjaya Polis Awang C.T. Miller, dalam ucapan beliau di-majlis pembukaan rasmi surau itu, mengucapkan sa-tinggi terima kasih kepada Kerajaan DYMM, kerana mendirikan Surau itu dan juga kepada Ja-



Pengetua P.H.E. Ugama Negeri Brunei, Y.A.M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin sedang merasmikan pembukaan Surau Polis Di-Raja Penchegah Rusohan di-Kuala Belait baru2 ini. — Gambar BPUI.

batan Hal Ehwal Ugama, Brunei kerana menyediakan Guru Ugama untuk mengajar di-Surau tersebut.

Kapada ahli2 Polis Di-Raja Penchegah Rusohan beliau berseru supaya mereka mengambil peluang ka-emasan itu, dan berhati2 serta bersungguh2 dalam mempelajari Al-Qur'an dan lain2 pelajaran mengenai Ugama Islam yang maha suci itu.

Turut juga memberi ucapan di-majlis tersebut ia-lah Pengerusi Majlis Perasmian Surau itu, Pegawai Pemerintah Polis Di-Raja Penchegah Rusohan, Awang Abu Zar bin Abu Bakar. Majlis di-tamatkan dengan bacaan Do'a Selamat oleh Pengiran Haji Abbas.

Pertandingan Sokan Daerah Brunei

PERSEDIAAN2 untuk mengadakan Pertandingan Sokan Daerah Brunei pada tahun ini telah pun di-selenggarakan oleh Persatuan Sokan Amateur Daerah Brunei.

Pertandingan Sokan tersebut akan di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 22 April, 1967.

Peserta2 yang berjaya dalam Pertandingan Sokan tersebut akan di-pilih untuk mewakili Daerah Brunei dalam Pertandingan Sokan Kejohanan Seluruh Brunei yang di-jangka akan di-langsungkan dalam bulan Mei hadapan di-Gelanggang Sokan Seria.

Dan mereka yang berjaya dalam Pertandingan Sokan Kejohanan Seluruh Brunei itu pula akan di-pilih untuk mewakili Negeri Brunei dalam Pertandingan Sokan Kejohanan Seluruh Borneo yang di-kenali dengan nama "BORNEO GAMES" pada pertengahan bulan Julai akan datang bertempat di-Gelanggang Sokan Seria.

Sementara itu menurut satu siaran yang di-terbitkan oleh Persatuan Sokan Amateur Daerah Brunei, tiap2 orang dewasa dan belia di-Daerah Brunei adalah di-galakkan untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Sokan Daerah Brunei.

Oleh itu, ada-lah di-harapkan bahawa seruan tersebut akan memperolehi sambutan yang baik dari kalangan orang2 dewasa dan belia di-Daerah Brunei.

Sa-moga dengan kejayaan mereka dalam Pertandingan Sokan Peringkat Daerah Brunei, mereka akan terus maju ka-hadapan sa-hingga mereka akan dapat mewakili Negeri Brunei dalam Pertandingan2 Sokan Kejohanan Borneo dan juga mencipta beberapa rekod yang baru yang akan membolehkan mereka mengambil bahagian dalam Pertandingan Sokan Antara Bangsa.

"PATUH" INGIN BERBAKTI KAPADA MASHARAKAT—USIA-NYA GENAP 5 TAHUN PADA 16 APRIL, 1967

KAMPONG SI-RAJA MUDA — Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) Brunei, telah menyambut genap usia lima tahun pada hari Ahad 16 April, 1967. Pendaftaran Persatuan itu telah di-luluskan oleh pehak yang berkuasa pada 16 April, 1962.

Dalam satu pertemuan dengan Setia Usaha Agong, PATUH, Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud, beliau berkata bahawa PATUH ia-lah sa-buah persatuan belia yang kedua di-tubuhkan di-Kampung Ayer.

Samenjak hari lahir-nya persatuan itu hingga ka-akhir tahun 1963, ahli2 persatuan itu yang terdiri dari pemuda2

Kampung2 yang bergabung dengan-nya, ia-itu Kampung Si-Raja Muda "A" dan "B", dan Kampung Bakut Berumput, berjumlah seramai 53 orang sahaja. Akan tetapi, pada awal tahun 1964, PATUH telah mengubah langkah-nya, ia-itu dengan memberi kesempatan kepada pemuda2 dan pemudi2 dari lain2 Kampung untuk menjadi ahli2 persatuan itu.

Pada masa ini ahli2 PATUH berjumlah seramai 125 orang, ia-itu terdiri dari 94 orang pemuda dan 31 orang pemudi. Daripada jumlah itu, hanya 40 peratus di-kenakan yuran bulanan sa-banyak 50 sen pada tiap2 bulan. Yang lain, ada-lah di-kecualikan di-sebabkan me-

reka ada-lah penuntut2 sekolah dan yang tiada mempunyai pekerjaan.

Menurut Pengiran Tuah, PATUH telah menyumbangkan tenaga-nya dalam berbagai2 perkhidmatan masyarakat. Di-antara-nya ia-lah menyertai dalam Pasar Gembira bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan serta bergabung dengan lain2 persatuan bagi mengutip derma samasa di-adakan Pertunjukan Wayang Gambar Derma Bakti di-Bandar Brunei dan juga mengambil bahagian sa-masa berlaku-nya Wabak Kolera, Banjir, Pengkajian Perumahan dan lain2 perkhidmatan yang di-se-

lenggarakan bersama dengan Kerajaan.

PATUH juga telah dapat menubuhkan sa-buah Sharikat Kerjasama dengan di-modali oleh ahli2 persatuan itu sendiri.

Beliau berkata lagi bahawa samanjak hari lahir-nya PATUH berchita2 hendak memiliki sa-buah pusat atau Ibu Pejabat bagi melancarkan-nya pentadbiran persatuan tersebut.

Chita2 itu telah berhasil dengan di-adakan upacara perletakan tiang asas Bangunan atau Rumah PATUH pada jam 5-00 petang hari Khamis 24 Mach, 1966 oleh Penaong PATUH, Yang Mulia Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohamad.

Pengiran Tuah mengucapkan berbanyak2 terima kasih kepada Kerajaan Brunei kerana memberikan bahan2 rubohan rumah yang (Lihat muka 3)



Ini-lah satu pemandangan Rumah PATUH yang hampir siap pembenaan-nya di-Kampong Si-Raja Muda B', Kampong Ayer, Brunei. Pembukaan Resmi Rumah PATUH itu di-jangka akan di-langsungkan dalam bulan Ogos tahun ini.

Penerangan oleh Pengawal Kenderaan Darat Mengenai Lampu2 Isharat Lalu Lintas

BANDAR BRUNEI. — Pengawal Kenderaan Darat Negeri Brunei, Awang Abdul Ghani bin Jamil berkata dalam satu pertemuan bahawa beliau berharap agar-nya orang ramai akan memberikan kerjasama mereka yang sa-penoh-nya supaya lampu2 isharat lalu lintas yang mulai di-nyala di-simpang Jalan Sultan dan Jalan Chevalier di-Bandar Brunei pada hari Sabtu yang lalu akan berjalan dengan baik.

Dalam pertemuan tersebut Awg. Abdul Ghani berkata bahawa langkah pertama gerakan menyalakan lampu2 isharat lalu lintas di-simpang Jalan Sultan dan Jalan Chevalier itu hanya sa-bagai perhubungan sahaja.

Jika sa-kira-nya ia di-dapati berjaya, maka lampu2 isharat lalu lintas di-lain2 simpang di-Bandar Brunei ini akan di-nyalakan tidak berapa lama lagi.

Di-tiap2 simpang yang di-pasang dengan lampu2 isharat lalu lintas itu dapat di-lihat garis2 berwarna putih merupakan anak2 panah yang menunjukkan petak yang mana mesti di-lalui oleh kenderaan lalu lintas, termasuk basikal, sama ada mereka hendak berjalan terus atau pun pusing ka-sabelah kiri atau kanan. Biasa-nya terdapat dua petak di-satu jalan yang mempunyai satu hala.

Kenderaan2 yang hendak membelok ka-kiri atau terus, hendaklah berjalan di-petak yang sa-belah kiri bila hampir dengan simpang itu, manakala yang hendak membelok ka-kanan mesti-lah membelok ka-kanan mengikuti petak di-sabelah kanan.

Awang Abdul Ghani menerangkan lagi bahawa pada lampu isharat lalu lintas itu terdapat tiga warna, ia-itu MERAH, KUNING dan HIJAU. Sa-lain dari itu terdapat juga lampu yang ke-empat yang letak-nya di-kiri lampu yang paling bawah sekali berwarna hijau mengandungi satu anak panah menunjukkan hala ka-kiri, yang di-panggil "Penapis".

Apabila "Penapis" ini bernyala, pemandu2 boleh-lah membelok ka-kiri, walau pun lalu lintas di-tempat itu terpaksa berhenti oleh kerana ada-nya lampu merah bernyala.

Warna kuning itu akan menyalakan hanya sa-belum lampu merah timbul. Sa-saorang pemandu boleh memandu kereta-nya terus sa-belum

lampu kuning itu bertukar ka-lampu merah jika tidak sempat berhenti. Kalau sempat, mahu-lah berhenti.

Lampu hijau berma'ana boleh berjalan. Apabila sa-saorang pemandu hendak membelok ka-kanan, is mesti-lah menjalankan kereta-nya dengan perlahan2 dan memerhati sama ada atau pun tidak kereta yang datang dari hadapan. Mereka boleh membelok ka-kanan jika mereka merasa selamat dari langgaran lain2 kereta. Pemandu2 kereta mesti-lah memberikan keutamaan kepada kereta2 yang datang dari hadapan mereka.

Jika lampu hijau itu bertukar menjadi merah, ia-itu isharat berhenti bagi kereta yang datang dari hadapan, maka ini berma'ana bahawa pemandu2 itu boleh membelok ka-kanan.

Berkenaan dengan kereta2 yang sudah berada di-tengah2 simpang pula, Awang Abdul Ghani menerangkan bahawa, kereta2 itu mesti-lah di-berikan keutamaan untuk berjalan terlebih dahulu.

Selanjut-nya dalam pertemuan tersebut, Awg. Abdul Ghani berkata bahawa pemandu2 kereta wajib-lah mengikuti peraturan2 lalu lintas pada masa mereka hendak memandu kereta bagi melintas simpang2 yang mempunyai lampu2 isharat lalu lintas, seperti berikut:

- (1) MASOK ka-petak yang betul apabila hampir dengan simpang yang di-kawal oleh lampu2 isharat lalu lintas.
- (2) BERHENTI di-garis berhenti. Garis berhenti itu ia-lah garis yang pertama di-buat melintang jalan raya, atau pun berhenti di-belakang kereta di-

hadapan jika lampu menun-jukkan merah atau kuning.

- (3) TERUSKAN perjalanan ka-arrah yang betul apabila lampu hijau atau jika lampu itu sudah pun bernyala hijau apabila sampai di-simpang itu.
- (4) Bagi orang2 yang hendak membelok ka-kanan, mereka mesti-lah menunggu di-pertengahan simpang terlebih dahulu di-bahagian kiri bulatan sa-hingga jalan di-hadapan itu tidak di-lalui oleh kenderaan.
- (5) Di-petak yang ada lampu "Penapis" pula, pemandu2 boleh-lah memandu kereta arah ka-kiri apabila lampu hijau yang mengandungi anak panah itu bernyala.

Awang Abdul Ghani Jamil seterusnya menerangkan lagi bahawa dua perkara yang di-sebutkan di-bawah ini JANGAN-LAH di-lakukan oleh pemandu2:

PUSINGAN "U"

- (a) JANGAN-LAH memusing kereta sa-chara PUSINGAN "U" atau pun dalam bahasa Inggeris "U" turn.
- (b) Pemandu2 JANGAN-LAH memberhentikan kenderaan mereka kerana mengambil atau menunggu dalam kawasan 100 kaki dari simpang sa-umpama itu. Di-tepi jalan itu boleh kelihatan garis2 berwarna merah.

Beliau berharap bahawa dengan kerjasama pemandu2 kenderaan di-simpang2 yang di-pasang dengan lampu2 lalu lintas itu, maka dapatlah di-elakkan daripada berlaku-nya sa-barang kemalangan jalan raya dan sa-moga lampu2 isharat lalu lintas itu akan berjalan dengan baik pada sa-tiap masa.

"PATUH" Ingin Berbakti kepada Masyarakat

(Dari muka 2)

di-robokkan oleh PATUH, daripada orang2 perpindahan Kampong Ayer. Sa-lain dari itu ia-lah hasil kutipan oleh PATUH bagi menchukapkan sa-hingga Rumah PATUH itu siap di-bena.

Pembukaan Resmi Rumah PATUH di-jangka akan di-langsungkan dalam bulan Ogos tahun ini. Sa-lepas itu PATUH akan membuka Kelas2 Dewasa dalam Bahasa Kebangsaan dan juga akan membuka Kelas2 Dewasa Ujama ka-

pada penduduk2 Kampong yang berminat untuk mengikuti-nya. Dan ini-lah sesuai dengan kehendak Perlembagaan PATUH, ia-itu bagi membenters buta huruf dan meninggikan Pelajaran Ujama Islam.

Persatuan itu berharap sa-moga chita2-nya akan di-sambut baik oleh anak2 Kampong di-sekeliling-nya demi untuk menyayakan bersama, tenaga PATUH, bukan berarti tertumpu sahaja kepada ahli2 PA-

Pegawai2 Baru Persatuan Belia Sengkurong

SENGKURONG. — Ahli2 Jawatan Kuasa Tabdir Persatuan Belia Sengkurong bagi tahun 1967/1968 yang telah dilantek baru2 ini dalam Meshuarat Agong Tahunan persatuan tersebut ada-lah seperti berikut: —

Yang Di-Pertua: Awg. Abd. Hamid bin Bakal; Naib Yang Di-Pertua: Awg. Abd. Manaf bin Jambul; Setia Usaha Agong: Awg. Judin bin Asar (Lantekan sa-mula); Naib Setia Usaha Agong: Awg. Tanjong Hj. Ismail (Lantekan sa-mula); Bendahari: Awg. Asmat bin Haji Salleh; Penolong Bendahari: Awg. Kamis bin Haji Kadir.

Ketua Sosial dan Kebajikan: Awg. Tamit bin DSPT. Haji Mangul; Ahli Jawatan Kuasa-nya: 1. Awg. Ahmad Mudim Bakar; 2. Awg. Md. Yusof bin Lamat; 3. Dy. Radiah binte A. Talif.

Ketua Kesenian dan Kebudayaan: Awg. Thani b. Hj. Badar; Ahli Jawatan Kuasa-nya: 1. Awg. Ahmad Mudim Bakar; 2. Awg. Hassan bin Talif; 3. Dy. Masni binte Hassan.

Ketua Pelajaran dan Penerangan: Awg. Abd. Hamid bin Tamat; Ahli Jawatan Kuasa-nya: 1. Awg. Tamin bin Israil; 2. Awg. Tudin bin Ahad; 3. Dy. Armah binte Hj. Dagang.

Ketua Sokan dan Permainan: Awg. Salim bin Hj. Salleh; Ahli Jawatan Kuasa-nya: 1. Awg. Ahmad Mudim Bakar; 2. Thani bin Hj. Bakar; 3. Abd. Wahid Tungkat.

Ketua Seksi Wanita: Dy. Nafsiyah binte OKMD Hj. Saman; Ahli Jawatan Kuasa-nya: 1. Dy. Rokiah binte Hj. Md. Yassin; 2. Dy. Jamilah binte Metali; 3. Dy. Saliah binte Hj. Safar.

Pembantu Umom: Awg. Abd. Wahid bin Tungkat.

Wakil Persatuan Belia Sengkurong ka-Majlis Belia2 Negeri Brunei: Awg. Judin bin Asar.

Penaong P.B.S.: Yang Mulia Orang Kaya Maharaja Dinda Haji Saman (Penghulu Mukim Sengkurong).

TUH, bahkan PATUH mengharap-kan mendapat sokongan daripada penduduk2 kampung seluruh-nya, kerana PATUH ingin BERBAKTI KAPADA MASHARAKAT seluruh-nya demi untuk kepentingan bangsa, negara dan tanah ayer dan untuk menuju ka-Pembangunan PATUH dewasa ini, kata lagi Setia Usaha Agong PATUH Pengiran Tuah bin Pengiran Md. Daud yang juga menjadi Pengerusi Jawatan Kuasa Pembangunan Rumah PATUH.



Sa-orang Perajurit Askar Melayu Di-Raja Brunei kelihatan sedang menunjokkan chara2 untok membuka dan mengator sa-mula senjata di-waktu malam dalam keadaan gelap pada masa lawatan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan ka-Markas A.M.D.B. baru2 ini.



D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN MELAWAT MARKAS PASOKAN ASKAR MELAYU DI-RAJA BRUNEI

BERAKAS — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berangkat melawat Markas Pasokan Askar Melayu Di-Raja

Brunei di-Berakas pada pagi hari Rabu 12 April, 1967.

Baginda telah di-iringi oleh Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei, Leftenan Kolonel

Burrows dan Adjutan Pasokan A.M.D.B. Kapitan Sulaiman bin Awang Damit.

Duli Yang Maha Mulia telah berangkat dari Istana Darul Hana ka-Ber-

rakas Kem dengan menaiki pesawat helikopter.

Dalam lawatan tersebut, Baginda telah juga menyaksikan satu pertunjukan mengenai latehan menchehag rusohan yang

di-adakan di-Padang Perbarisan Pasokan AMDB.

Pertunjukan tersebut telah di-lakukan oleh "C" Kompeni yang di-ketuai oleh Leftenan Muda Mohamed Ali bin Nordin.

Sa-lepas tamat pertunjukan tersebut, Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-kawasan latehan senjata di-mana Baginda menyaksikan anggota2 Tentera menunjokkan antara lain, chara2 untok

membuka dan mengator sa-mula senjata satu persatu di-waktu malam dalam keadaan gelap.

Dalam lawatan tersebut, Baginda telah juga menyaksikan chara2 menentang serang-hendap ka-atas kenderaan bermo-

tor yang telah di-lakukan oleh Pasokan "A" Kompeni.

Gambar2 yang di-siarkan di-Muka 4 dan 5, Pelita Brunei keluaran minggu ini di-ambil pada masa lawatan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ka-Markas Pasokan Askar Melayu Di-Raja, Brunei pada hari Rabu yang lalu.



Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Perkhemahan Pengakap Seluruh Negeri Brunei akan di-adakan di-satu kawasan yang luas-nya kira2 sapuluh ekar di-Batu Empat, Jalan Gadong, Brunei mulai pada 27 April hingga 30 April, 1967.

Perkhemahan Pengakap tersebut akan di-buka dengan rasminya pada jam 2-30 petang hari Juma'at 28 April, 1967. Sa-lepas itu akan di-adakan upacara Penyampaian Lenchana Wood Badge dan Green Cord.

Di-antara achara2 yang akan di-adakan di-Perkhemahan Pengakap tersebut ia-lah temasha Unggun Api pada malam 28 dan 29 April serta berbagai jenis perlawanan antara Pasokan2 Pengakap dari seluruh negara.



Sinin Metali dari Askar Melayu Di-Raja Brunei, sa-orang ahli sokan yang terkenal di-negeri ini, kelihatan memenangi satu perlumbaan di-temasha Sokan Tahunan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di- Padang Besar Bandar Brunei pada 7 April, 1967.

Sambutan Hari Raya Haji Anjoran "PIKAP"

KAMPONG PERAMU. — Malam Aneka Ria Sambutan Hari Raya Haji Anjoran Persatuan Iktan Kampung Peramu, Brunei (PIKAP) telah beroleh kejayaan yang chemerlang pada dua malam berturut2 ia itu pada malam 1 dan 2 April, 1967 dengan di-hadiri oleh lebih kurang 1,500 orang para penuntun dari beberapa buah kampung yang berhampiran dengan kampung tersebut — ada yang menyaksikan dengan perahu dan berselirak di-atas pail.

Ini-lah julong2 kali persatuan ini mengadakan Malam Sambutan sa-ahara besar2an. Achara2 yang di-persembahkan pada malam pertama ia-lah Pertandingan Membaca Sajak, Nyanyi dan berbagai2 persembahan yang berupa hiburan.

Satu persembahan yang menarik pada malam itu ia-lah sa-buah Drama Suara Purbawara yang berjudul "Kuala Brunei", hasil susunan Yang Berhormat Pgn. Yusof bin Pgn. Abu Bakar. Drama tersebut telah di-jayakan oleh bakat2 baru bagi Persatuan PIKAP. Mereka ia-lah Hasan Timbang sebagai Awang, Mohammad Abd. Rahman sebagai Pengiran Muda, Nikmah Metassan sebagai Dayang Amas dan di-bantu oleh beberapa orang pelakon pem-

bantu terdiri dari Tuah Kadir, Kamal Md. Noor, Dayang Aji Haji Md. Seruddin, Anuar Timbang, Yusof Munap, Wasli Haji Hidup dan Haji Mohammad Haji Md. Zain. Para pendukung watak tersebut patut di-beri pujian meski pun mereka maseh muda dalam arena pentas drama, dengan semangat keazaman dan ketabahan hati mereka telah pun berjaya membawakan watak2 yang begitu baik dan lancar terutama membawakan watak Awang, watak ini terdapat pada babak yang akhir. Begitu juga membawakan watak Pengiran Muda telah dapat di-bawakan dengan serias dan tidak kurang baik-nya membawakan watak Dayang Amas.

Pada malam kedua telah di-adakan Pertandingan Membaca Kitab Suchi Al-Qur'an dan Peraduan Bahath yang di-beri tajok "Berniaga itu lebih baik daripada Makan Gaji".

Pertandingan Membaca Kitab Suchi Al-Qur'an terbahagi kepada dua peringkat, peringkat pertama orang dewasa dan peringkat kedua orang tua.

KEPUTUSAN PERTANDINGAN

1. Membaca Sajak; Mendapat tempat pertama ia-lah Awg. Wasli Haji Hidup. Kedua — Awg. Metussin Haji Tahir dan Ketiga — Dy. Halimah binte Sulaiman.

2. Nyanyi: Pertama — Masdinah. Kedua — Ak. Metussin bin Pgn. Tuah dan Ketiga — M. S. Ismail.

3. Membaca Kitab Suchi Al-Qur'an Orang Dewasa: Pertama — Awg. Wasli Hi. Hidup. Kedua — Dy. Aminah binte Abd. Rahim dan Ketiga Awg. Abd. Razak bin Tahir.

4. Membaca Kitab Suchi Al-Qur'an Bahagian Orang Tua: Pertama — Awg. Haji Naim bin Ja'afar. Kedua — Awg. Haji Tahir bin Tengah dan Ketiga — Awg. Ismail bin Ibrahim.

PERSIDANGAN MAJLIS MASHUARAT DAERAH TUTONG

TUTONG. — Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang telah di-langsungkan baru2 ini telah meluluskan dua usol.

Pegawai Daerah Tutong, Yang Mulia Pgn. Othman bin Pgn. Anak Mohamed Salleh telah mempengerusikan Persidangan Majlis Mashuarat tersebut.

Yang Berhormat Awg. Md. Zain bin Serudin, Wakil Kawasan Tanjong Maya telah mengemukakan satu usol, manakala satu usol lagi telah di-ke-mukakan oleh Awg. Edin bin Harun, Wakil Kawasan Rambai.

Yang Berhormat Awg. Md. Zain bin Serudin telah mengemukakan usol supaya bekalan elektrik ka-Kampung2 Luar Bandar yang di-fikirkan patut akan dapat di-adakan untuk menyenangkan penduduk2 di-kawasan itu supaya perkembangan kemajuan akan dapat di-nekmati bersama oleh mereka.

Yang Mulia Awg. Edin pula telah mengemukakan usol supaya Perkhidmatan X-ray Badan akan dapat di-adakan di-Rumah Sakit Daerah Tutong supaya penduduk2 di-daerah itu tidak payah lagi pergi ka-Rumah Sakit Besar di-Bandar Brunei.

Yang Mulia Awg. Abu bin Salam telah mengemukakan tiga so'alan mulut dan Yang Mulia Awg. Ringgit bin Luang telah mengemukakan dua so'alan mulut dalam Persidangan tersebut, dengan mendapat jawapan2 yang memuaskan.

5. Bahath, di-menangi oleh pekah penchadang terdiri dari Awg. Hassan Timbang (Ketua) Awg. Omar Sahat dan Awg. Ahmad Timbang. Majlis itu telah di-pengerusikan oleh Awg. Abd. Saman Kahar.

Hadiah telah di-sampaikan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Seri Wangsa Hj. Mohammad, bekas Ketua Kampung Peramu.

Ahli2 Jawatan Kuasa sambutan terdiri dari:—

Awg. Mahmud bin Haji Ali Hus-sain (Yang Di-Pertua) selaku Pena-sehat, Awg. Hj. Md. Tarif bin P.S.W. Haji Mohammad Pengerusi, Awg. Jamii bin Metassan Setia Usaha, Awg. Metussin bin Timbang Pengawas 'Am, Awg. Abidin Mohd. Zain Pengawas Drama pentas, Awg. Daud bin Momin dan Haji Ismet bin Haji Naim Pengawas pertandingan membaca kitab suchi Al-Qur'an dan semua ahli Persatuan PIKAP. Demikian menurut Awg. Abidin Mohd. Zain, Setia Usaha Penerangan Persatuan PIKAP.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19 April, 1967 hingga ka-hari Selasa 25 April, 1967 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
19 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
20 April		12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12
21 April		12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
22 April		12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
23 April		12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
24 April		12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10
25 April		12-25	3-40	6-31	7-43	4-42	4-56	6-10

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

**Gunakan-lah
Bahasa
Melayu**

SOKAN TAHUNAN M.P.M.B.

BANDAR BRUNEI. — Perlawanan Sokan Tahunan Maktab Perguruan Melayu Brunei kali yang ke-sembilan telah di-langsungkan pada 16 April, 1967 bertempat di-Padang Besar, Bandar Brunei.

Di-susun oleh: Md. Husain Zainal

KEPUTUSAN PERLAWANAN ANTARA RUMAH

Pertama: Pasokan Rumah Nakhoda Ragam mendapat 139 mata.

Kedua: Pasokan Rumah Bendahara Sakam mendapat 124 mata.

Ketiga: Pasokan Rumah Nakhoda Manis mendapat 119 mata

Ke-empat: Pasokan Rumah Awang Semaun mendapat 114 mata.

BINTANG SOKAN BAGI TAHUN 1967

(i) Bahagian Laki2 —

Awg. Sulaiman Ahmad.

(ii) Bahagian Perempuan —

Dy. Zini Kadir.

Penolong Menteri Pelajaran Y.B. Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking telah merasmikan

pembukaan temasha sokan tersebut. Beliau juga telah menyampaikan hadiah2 kemenangan.

PERLAWANAN BOLA SEPAK PEJABAT2 KERAJAAN

Perlawanan2 Bola Sepak antara Pejabat2 Kerajaan Daerah Brunei dan Muara dan Tutong, atas anjoran Persatuan Bola Sepak Daerah Brunei yang telah di-jalankan di-Padang Besar Bandar Brunei ada-lah seperti berikut:

(1) Pada 10 April, 1967: Bahagian "B" antara Pasokan Bomba dengan Pasokan Gabungan Pejabat Daerah, Imigerisen dan Perpindahan. Keputusan Pasokan Gabungan Daerah, Imigerisen dan Perpindahan menang dengan 4 gol berbalas 2 gol.

(2) Pada 12 April, 1967: Bahagian

"B" antara Pasokan Elektrik dengan Pasokan Siaran Radio dan Penerangan. Keputusan-nya Pasokan Elektrik menang dengan 5 gol tidak berbalas.

(3) Pada 11 April, 1967: Bahagian "A" antara Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei dengan Pasokan Pertanian. Keputusan-nya Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei menang dengan 5 gol tidak berbalas.

(4) Pada 13 April, 1967: Bahagian "A" antara Pasokan Polis Di-Raja, Brunei dengan Pasokan Pentadbiran. Keputusan-nya Pasokan Polis Di-Raja menang dengan 8 gol tidak berbalas.

(5) Pada 15 April, 1967: Bahagian "B" antara Pasokan Setor dengan Pasokan Pos dan Talikom. Keputusan-nya Pasokan Pos dan Talikom menang dengan 3 gol berbalas 2.



Dua orang murid dalam gambar ini kelihatan berlumba dengan bersungguh2-nya untuk mencapai kemenangan dalam satu perlumbaan lari berganti2 di-temasha Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Bahagian Tutong Dua di-Padang Sekolah Melayu Tanjong Maya baru2 ini.

Berkhidmat-lah dengan Pasokan Polis Di-Raja Brunei

PASOKAN Polis Di-Raja Brunei menjemput pemuda2 yang terdiri dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau orang2 Di-bawah Naongan British yang di-lahirkan di-Brunei untuk membuat permohonan sa-bagai rekrut2 Polis dalam Pasokan Polis Di-Raja Brunei.

Sharat2 yang di-kehendakki ada-lah seperti berikut: —

Pelajaran — Lulus Darjah VI Melayu atau Primary VI Inggeris. Umor — Antara 18 dan 28 tahun. Tinggi — Sa-kurang2-nya 5 kaki 2 inchi. Ukoran Badan — Sa-kurang2-nya 31 inchi apabila menarek nafas dan di-akui sehat oleh sa-orang Pegawai Perubatan Kerajaan. Gaji — \$180.00 sa-bulan.

Chalon2 yang berjaya akan di-hantarkan ka-Malaya untuk latihan.

Borang2 permohonan boleh-lah di-dapati atas permintaan daripada Ibu2 Pejabat Polis Daerah Brunei atau Panaga. Borang2 yang di-penuhi itu hendak-lah di-kembalikan ka-Ibu Pejabat Polis Di-Raja Brunei tidak lewat daripada 7 Mei, 1967.

AWANG JALIL KA-ENGLAND

BANDAR BRUNEI. — Awg. Abdul Jalil bin Dato Marsal, Timbalan Pendaftar Beranak dan Mati, Negeri Brunei akan berangkat ka-England dengan kapal terbang pada penghujung bulan April ini untuk menjalani satu Kursus Pentadbiran di-London sa-lama enam bulan.

Sa-lepas itu, Awg. Abdul Jalil akan melawat ka-beberapa Pusat Pendaftaran Beranak dan Mati di-United Kingdom.

Awang Abdul Jalil telah menyandang jawatan Timbalan Pendaftar Beranak dan Mati, Negeri Brunei sa-lama kira2 tiga tahun. Terlebih dahulu beliau telah berkhidmat sa-bagai Pegawai Pengawal Lalu Lintas Udara di-Lapangan Terbang Brunei sa-lama dua tahun.

Ini-lah kali yang ke-dua Awg. Abdul Jalil akan melawat United Kingdom. Pada kali pertama lawatan beliau ka-United Kingdom ia-lah dalam bulan Ogos tahun 1957. Pada masa itu beliau telah mewakili Negeri Brunei sa-bagai sa-orang Troop Leader Pasokan Second Junior Maktab S.O.A.S. di-temasha sambutan Jubli Perak, Perkhemahan Pengakap Sa-Dunia di-Sutton Park, Warwickshire, Birmingham, England.

Menurut Awg. Abdul Jalil, beliau berasa gembira kerana telah dapat di-perkenalkan kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen pada masa lawatan Baginda ka-Perkhemahan Pengakap tersebut.



Nadzir Negara Sekolah2 Negeri Brunei, Awang Suni bin Haji Idris kelihatan dalam gambar ini sedang menerima Tabek Kehormatan di-temasha pembukaan rasmi Sokan Tahunan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Padang Besar, Bandar Brunei baru2 ini. Di-sabelah kiri dalam gambar ini ia-lah bekas Pengetua, Maktab S.O.A.S., Awang I. B. MacKnight yang telah tamat perkhidmatan beliau dengan Maktab S.O.A.S. dan telah pun berangkat ka-United Kingdom.

Istiadat Pengurniaan Bintang2 dan Pingat2 di-Istana

(Dari muka 1)

di-kurniakan Bintang Pekerma Setia Brunei — Darjah Ke-empat.

A.P.O. 106 Gisang Anak Berang juga telah di-kurniakan Bintang Pekerma Setia Brunei — Darjah Ke-empat.

Awang I. Harris telah di-kurniakan Bintang Setia Negara Brunei.

Dua orang telah di-kurniakan Pingat Omar Ali Saifuddin. Mereka ia-lah Doktor (Mrs.) De La Pena — P.O.A.S. — Darjah Pertama dan A. Sibidol P.O.A.S. — Darjah Kedua.

Doktor G. W. Fitzpatrick dan Awang D. Jackson masing2 telah di-kurniakan Pingat Jasa Kebaktian.

Sa-ramai 43 orang telah di-kurniakan Pingat Perjuangan. Di-antara-nya ia-lah Dato Doktor P. I. Franks, Pengarah, Perkhidmatan Perubatan Negeri Brunei; Dato W. I. Glass, Pegawai Perjawatan, Brunei dan Dato P. A. Coates, Wakil Sharikat Minyak Shell di-Bandar Brunei.



Mashuarat Pengakap

BANDAR BRUNEI. — Mashuarat Jawatan Kuasa Persatuan Pengakap Daerah Brunei akan di-adakan di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Kumbang Pasang, Bandar Brunei pada jam 3-00 petang hari Ahad 23 April, 1967.

Di-antara perkara2 yang akan di-rundingkan dalam mashuarat tersebut ia-lah mengenai Perkhemahan Pengakap Sa-Negeri Brunei; Minggu Kerja Pengakap dan beberapa perkara yang mustahak.

Kenyataan Kastam

BAGI menjalankan kuasa2 yang di-beri ka-atas Pengawal Kastam oleh bab 9 dari Undang2 Kastam, 1954, maka saya dengan ini menetapkan, bagi tujuan mengenakan chukai2 harga barang yang disebutkan di-dalam Jadual di-sini mulai dari dan termasuk 17 April, 1967.

Lada Puteh sapikul \$127.60.

Lada Hitam sa-pikul \$93.20.

(Othman Chua Kwang Soon) Pengawal Kastam & Bea, Brunei.

JEMA'AH2 HAJI BALEK KA-BRUNEI PADA 20 APRIL

BANDAR BRUNEI. — Kapal Haji M.S. "Anshun" di-jadualkan tiba dan berlaboh di-Pelabuhan Labuan pada jam 2-00 petang hari Khamis 20 April, 1967 dan bukan-lah pada hari Rabu 19 April sa-bagaimana yang di-umomkan oleh pehak yang berkenaan baru2 ini.


Menurut satu siaran dari Pengarah Laut Brunei, Awg. Jack Turner, perkhidmatan kapal2 penumpang dari Labuan ka-Bandar Brunei akan di-batalkan pada hari Khamis 20 April,

1967 untuk membolehkan seramai 223 orang jema'ah Haji dengan barang2 mereka serta Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Sharikat Borneo (Malaysia) Sendirian Berhad untuk datang dari Labuan ka-Bandar Brunei.

Siaran tersebut menyebutkan bahawa satu penambatan di-Bandar Brunei akan di-tutup bagi kapal2 dari jam 3-00 petang hari Khamis 20 April, 1967 untuk membolehkan jemaah2 Haji itu naik.

Kapal2 Kerajaan Brunei yang akan membawa jema'ah2 Haji tersebut dari Labuan ka-Bandar Brunei ia-lah: M.V. "Bolkiah", M.L. "Sultan", M.L. "Muara", M.L. "Laila Menchanai" dan M.L. "Seri Setia". Kapal2 Kerajaan Brunei yang akan membawa barang2 berat kepunyaan jema'ah2 Haji tersebut dari Labuan ka-Bandar Brunei ia-lah R.C.L. "Nakhoda Manis" dan P.L. "Pemancha".

Sementara itu, Pegawai Urusan Haji Negeri Brunei, Awg. Kassim bin Haji Ahmad memberi tahu akhbar ini kelemarin bahawa kapal yang pertama sekali membawa jema'ah Haji dari Labuan ka-Bandar Brunei di-jadualkan tiba di-Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Brunei kira2 pada jam 7-30 malam hari tersebut.



Awg. Abdul Jalil bin Dato Marsal, Timbalan Pendaftar Beranak dan Mati, Negeri Brunei akan berangkat ka-England pada akhir bulan ini untuk menjalani Kursus Pentadbiran.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar yang juga menjadi Pengerusi Lembaga Bandaran Brunei kelihatan dalam gambar ini sedang merasmikan pembukaan lampu2 isyarat lalu lintas di-simpang Jalan Sultan dan Jalan Chevalier pada jam 9.00 pagi hari Sabtu 15 April, 1967. Di-sabelah kiri memakai kacha mata hitam dan topi ia-lah Jurutera Lampu Awam, Negeri Brunei Awang S. Palaniandy dan di-sabelah kanan sekali ia-lah Pegawai Kenderaan Darat Negeri Brunei, Awang Abdul Ghani bin Jamil. Yang Berhormat Awang R. D. Ross kelihatan berdiri di-bela-kang Awang Ali.

Sokan Sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Sekolah Melayu Sultan Mohamad Jemalul Alam, Puser Ulak akan mengadakan temasha Sokan Tahunan-nya di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada hari ini, mulai jam 1-30 petang.

Perlawanan Sokan Tahunan Sekolah2 Rendah Melayu Sa-Negeri Brunei akan di-adakan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada pagi dan petang hari Juma'at 21 April.

Pada petang hari Ithnin 24 April pula, Sekolah Menengah Rendah S.M.J.A. akan mengadakan temasha Sokan Tahunan-nya Kali Pertama bertempat di-Padang Besar, Bandar Brunei.